

Berkelah di Pantai

Pada hujung minggu yang lalu, Sheila dan keluarganya telah pergi berkelah di Pantai Batu Buruk. Banyak bekalan yang dibawa oleh mereka. Antaranya ialah mi goreng, keropok, nasi, dan kuih-muih. Selepas makan, Sheila pergi mandi-manda bersama bapa, ibu, dan adiknya. Sheila berasa sungguh gembira.



Tandakan jawapan yang betul.



1 Sheila pergi berkelah dengan siapa?

- | | |
|---------------|-----------|
| A Keluarganya | C Ayahnya |
| B Kawannya | D Adiknya |

✓/X



2 Di manakah Sheila berkelah?

- | |
|----------------------------|
| A Di Pantai Teluk Cempedak |
| B Di Pantai Batu Buruk |
| C Di tepi sungai |
| D Di tepi jalan |

✓/X



3 Bilakah Sheila pergi berkelah?

- | | |
|-----------------------|----------------|
| A Hujung minggu lepas | C Minggu depan |
| B Kelmarin | D Esok |

✓/X



4 Bagaimanakah perasaan Sheila?

- | | |
|-----------|---------|
| A Gembira | C Sedih |
| B Marah | D Benci |

✓/X



5 Apakah yang dilakukan oleh Sheila sebelum mandi?

- | | |
|---------|------------|
| A Makan | C Menyanyi |
| B Tidur | D Memasak |

✓/X